

Oleh AMIRUL AKMAL REDZWAN
Foto ROY AZIS ABD. AZIZ



IBU bapa berpeluang membeli bahan bacaan untuk anak-anak.

PELBAGAI tawaran dan diskaun menarik menanti pengunjung PBAKL 2017.

Pesta buku pupuk budaya membaca

Kesmo



PARA kesukaan



ROZAILI



A. HASIEB



ISHAK

MEMBACA adalah amalan mulia yang membantu menambah ilmu pengetahuan dan mendewasakan pemikiran.

Begitupun, ramai yang menganggap membaca satu perkara membosankan.

Jika dahulu bahan bacaan hanya terhad kepada buku, akhbar dan bahan bercetak lain, kini ia boleh diperolehi dalam talian seperti laman web, blog, forum dan e-buku.

Membaca akan mengaktifkan

sel-sel dalam otak untuk berfikir.

Justeru, penggemar bahan bacaan, Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2017 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) ke-36 medan yang pasti sukar dilepaskan.

Tinjauan penulis baru-baru ini mendapati, pengunjung terdiri daripada pelbagai lapisan peringkat umur mula lapanjiri PBAKL seawal pukul 9 pagi.

Meskipun keadaan cuaca tidak menentu kebelakangan ini dan jalan raya sesak, ia tidak

menghalang pengunjung untuk datang bagi mendapatkan bahan bacaan yang diminati.

Seorang pengunjung, Ayra Rahmat, 20, berkata, pesta buku itu memberi peluang kepadanya mencari bahan-bahan bacaan yang digemarinya.

Pendedahan

“Gerai-gerai buku di sini bukan sahaja menawarkan harga yang berpatutan, malah memberikan potongan harga istimewa.

“Tidak rugi mengunjungi pesta buku ini,” katanya.

Seorang guru dari sebuah sekolah di Kuala Lumpur, Rozaili Dolah, 44, menjelaskan, rombongan sekolahnya tidak mahu melepaskan peluang keemasan untuk melawat pesta buku berkenaan.

“Sebenarnya lawatan ke pesta buku adalah program wajib bagi sesetengah sekolah dan menjadi program tahunan mereka.

“Tujuan utama lawatan adalah untuk memberi pendedahan berterusan tentang kepentingan membaca buku kepada murid-murid,” katanya.

Acara yang berlangsung



KEMUNCULAN maskot Ejen Ali mencuri perhatian pengunjung terutamanya kanak-kanak.

KA



TERDAPAT pelbagai buku latihan dan rujukan untuk para pelajar sekolah.



...njung berpeluang menemui para penulis mereka di PBAKL 2017.



selama 10 hari bermula 28 April sehingga 7 Mei itu, disertai oleh 905 gerai pameran dari syarikat swasta dan kerajaan dari dalam serta luar negara.

Antara syarikat penerbitan tempatan yang terlibat ialah Dewan Bahasa dan Pustaka,

DID

Gempak Starz,
Sasbadi, Institut
Terjemahan

dan Buku Malaysia serta Perbadanan Buku Kota.

Dalam pada itu, bagi A. Hasieb Azahari, 25, menyifatkan, lokasi PBAKL kali ini amat strategik kerana mempunyai kemudahan pengangkutan awam yang lebih efektif.

Katanya, orang ramai boleh menggunakan pengangkutan awam seperti Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) tanpa perlu menempuh kesesakan jalan raya.

“Saya percaya dengan adanya kemudahan pengangkutan awam, pesta buku ini pasti mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada orang ramai.

“Pengunjung juga tidaklah terlalu berasak-asak untuk berkunjung dari satu gerai ke gerai lain kerana ruang di bangunan ini luas dan selesa,” katanya.



DUA kanak-kanak menikmati permainan di ruangan kanak-kanak.

Sementara itu, Pengerusi Bersama PBAKL 2017, Ishak Hamzah berkata, promosi potongan harga sehingga 80 peratus menjadi tarikan utama kepada orang ramai untuk berkunjung ke PBAKL 2017 kali ini.

Menurutnya, potongan harga ditawarkan adalah bagi menggalakkan pengunjung berbelanja dan membeli buku kegemaran mereka.

Beliau yang juga Pengerusi

Dewan Industri Buku Malaysia memberitahu, terdapat juga syarikat penerbitan yang memberikan hadiah dan saguhati kepada pengunjung yang membeli buku dalam jumlah banyak.

“Tawaran harga menarik yang diberikan ini tidak terhad kepada buku-buku lama sahaja malah karya-karya baharu.

“Ini sebenarnya bukan perang harga, tetapi satu keistimewaan kepada pengunjung selain meniupkan budaya membaca,” ujarnya.

PBAKL kembali ke PWTC selepas diadakan di Taman Pameran Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor buat pertama kalinya tahun lalu.

Selain pameran buku baharu di pasaran serta jualan buku dengan tawaran harga menarik, pelbagai aktiviti dan program turut disediakan untuk para pengunjung.

Antaranya ceramah penulisan, bengkel penerbitan buku, pelancaran buku dan sesi bertemu penulis.

Untuk maklumat lanjut dan berita terkini mengenai PBAKL 2017, layari laman web www.kualalumpurbookfair.my.